

10 NOV 1997

Mahathir-Belanda

DASAR "MAKMURKAN JIRAN" MALAYSIA MEMBAWA HASIL

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Belanda, Wim Kok, berkata dasar "makmurkan jiran anda" Malaysia telah berjaya menghasilkan peningkatan dalam perdagangan dan pelaburan antara Asia dan Eropah.

Katanya konsep kemakmuran dan penyerantauan terbuka di bawah dasar itu yang dipelopori oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyaksikan peningkatan pelaburan di Eropah dan juga di negara-negara Asia.

"Hari ini kami sedang melihat peningkatan pembangunan Asia di Eropah yang membantu memberi semangat baru kepada ekonomi Eropah dan membuka peluang pekerjaan baru.

"Negara-negara Eropah pula melabur di Asia dan membawa bersama teknologi untuk dikongsi bersama dan turut memainkan peranan membawa kemakmuran ke Asia," katanya dalam perutusan video pada Panel Global Kuala Lumpur 1997.

Mesyuarat dua hari itu dianjurkan bersama oleh Institut Startegik dan Kajian Antarabangsa (Isis), Pusat Penyelidikan Eropah dan Institut Kepimpinan.

Dr Mahathir dijadual menyampaikan ucap utamanya mengenai "Asia dan Eropah: Menyemaikan Perkongsian untuk Abad ke-21" lewat petang ini.

Wim Kok berkata Asia dan Eropah berkongsi perspektif yang sama mengenai berbagai isu global dan "kesedaran ini akan membolehkan kita berusaha ke arah kemakmuran dan untuk faedah bersama."

Wim Kok berkata apa yang membuat Eropah dan Asia makmur bukan sahaja disebabkan oleh perdagangan bebas tetapi juga hubungan komunikasi yang kukuh dan saling berkeyakinan.

Katanya kini terdapat satu perkongsian komprehensif antara kedua-dua rantau berasaskan kepada kemakmuran dan saling menghormati.

Wim Kok berkata Asia dan Eropah mempunyai potensi yang besar dan terdapat keperluan untuk bekerjasama dalam perkara-perkara untuk kepentingan bersama dalam forum-forum antarabangsa.

"Ini akan membolehkan kita berkerjasama demi kemakmuran," katanya.

Sementara itu, presiden pusat demokrasi yang berpangkalan di Washington, Prof. Allen Weinstein, dalam ucapannya sebelum itu, berkata laporan-laporan negatif mengenai krisis ekonomi rantau Asia Tenggara lebih banyak membawa keburukan dari kebaikan.

Katanya laporan-laporan itu tidak langsung menyumbang untuk membawa penyelesaian kepada krisis itu. -- BERNAMA

ES WAT